

Headline	Gamuda Land lestarikan Kundang Estates		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	5	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	847 cm ²
Journalist	Mahanum Abdul Aziz mahanum_aziz	AdValue	RM 28,154
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,463



Kepelbagaian biologi
menarik burung datang
mencari makanan.



Gamuda Land mengekalkan aspek semula jadi tempat itu, pelbagai spesies flora dan fauna dapat terus berkembang.

Khariza Abdul Khalid,
Ketua Pegawai Operasi Gamuda Parks

Gamuda Land lestarikan Kundang Estates

Inisiatif Gamuda Parks cambah kepelbagaian biologi

Oleh Mahanum Abdul Aziz mahanum_aziz@bh.com.my

Gamuda Land melakar sejarahnya yang tersendiri dalam inisiatif menjamin kelestarian alam sekitar dalam pembangunan perbandaran yang berjaya mewujudkan kepelbagaian biologi di Kundang Estates, projek pembangunan kediaman butik miliknya yang terletak di Sungai Buloh, Selangor.

Inisiatif kelestarian alam sekitar yang dilaksanakan menerusi Gamuda Parks, adalah satu inisiatif pemaju itu untuk memacu konsistensi dalam pendekatan pelaksanaan dan penyelenggaraan taman dalam perbandaran yang dibangunkannya.

Gamuda Parks telah menjalankan kajian biologi di lima pembangunan utama Gamuda Land sejak ia dilancarkan pada Mei 2018.

Hasil kajian yang telah dijalankan akan digunakan sebagai garis panduan dalam mereka bentuk perbandaran yang menekankan pembinaan mesra alam termasuk peletakan

Kawasan hijau dan tasik, pemilihan spesies pokok bagi penanaman semula dan pemilihan bahan mentah yang bersesuaian.

Khariza berkata, bagi memastikan perbandaran yang dibina selaras dengan panduan Polisi Biologi Negara, pihaknya bekerjasama dengan Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Wetlands International Malaysia (WIM), yang dilantik sebagai penasihat penguurusan biodiversiti.

Beliau berkata lagi, bagi Kundang Estates, pihaknya mengekalkan aspek semula jadi kawasan itu bagi memastikan kawasan berkenaan kekal indah dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna.

Tambahnya lagi, Gamuda Parks telah mengambil beberapa langkah pemuliharaan alam semula jadi dan menjaga kepelbagaian biodiversiti sejak pada peringkat awal pembinaan lagi bagi memastikan kawasan berkenaan kekal hijau.

Antara langkah yang diambil ialah dengan menjalankan program perolehan dan penyemaian pokok (Advance Tree Planting) yang setakat ini mencecah jumlah 3,221 pokok yang telah ditanam di Kundang Estates, yang mana 80 peratus adalah spesies tempatan.

Selain itu, Gamuda Parks juga melaksanakan program kesedaran alam sekitar, GParks Ranger yang mengutamakan generasi muda berumur 6-12 tahun.

Program itu menganjurkan pelbagai bengkel bertemakan alam sekitar secara percuma untuk kanak-kanak.

Bukan itu saja, ia juga menjadi satu platform bagi mereka untuk

menjadi duta yang prihatin dalam melindungi alam sekitar.

Pendaftaran dalam talian dibuka kepada semua yang berminat dan peserta yang berdaftar akan menerima jemputan eksklusif untuk menyertai program GParks Ranger yang akan dianjurkan.

"Bagi mewujudkan kawasan rekreasi yang tampak semula jadi, kami membaik pulih tasik yang sedia ada dan menambah kemudahan seperti laluan pejalan kaki dan basikal, taman permainan, flying fox, trampolin dan pelbagai lagi.

"Dengan adanya landskap semula jadi ini, Kundang Estates telah menjadi tumpuan utama pelbagai jenis flora dan fauna.

"Ini menjadi bukti bagaimana Gamuda Land mengekalkan aspek semula jadi tempat itu, pelbagai spesies flora dan fauna dapat terus berkembang," kata Khariza.

Menurut Khariza, antara usaha lain yang turut dilaksanakan Gamuda Parks termasuk mewujudkan 'Edible Garden' di Kundang Estates, yang mana kebun bersaiz 600 meter persegi itu ditanam dengan pelbagai sayur-sayuran dan buah-buahan yang boleh dituai.

"Edible Garden' itu juga menjadi ruang kesedaran alam sekitar yang boleh digunakan untuk acara komuniti di perbandaran berkenaan.

"Dalam perancangan, kami menasaskan untuk mengendalikannya Bengkel Pendidikan Alam Sekitar untuk memberi kesedaran kepada residen berkenaan dengan cara-cara untuk mewujudkan kebun mereka sendiri dan pada

masa yang sama untuk memupuk minat berkebun dalam kalangan kanak-kanak," katanya.

Projek pembangunan perbandaran kediaman butik Kundang Estates yang dilancarkan pada 2016 dibangunkan dalam empat fasa membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM308 juta.

Perbandaran kediaman butik itu dilengkapi tiga taman unik iaitu Lakeside Gardens, Community Gardens dan The Esplanade, yang mana setiap satunya menawarkan pengalaman berbeza kepada penghuni untuk beristirahat, bermain dan menikmati aktiviti luar rumah.

Dengan lokasi strategik di titik pertemuan tiga lebuh raya utama, iaitu Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR), Kundang Estates memiliki kelebihan untuk dijadikan kawasan kediaman unggul yang membolehkan pemandangan pantas dan mudah dari Kuala Lumpur.

Lokasinya yang terletak berdekatan stesen KTM Kuang dan MRT Sungai Buloh meningkatkan lagi perhubungan bukan saja dengan pusat bandar, malah dengan rangkaian pengangkutan di seluruh negara.

Dikelilingi suasana menghijau, Kundang Estates menawarkan kehidupan desa yang tenang dan tidak jauh dari bandar raya.

Kundang Estates menawarkan suatu penyelesaian sempurna bukan saja bagi penduduk tempatan, tetapi juga bagi penghuni bandar raya yang ingin mengelakkan diri daripada kesibukan kota.



Kundang Estates mengekalkan aspek semula jadi
membolehkan pelbagai spesies flora dan fauna terus hidup.